

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR &  
PERSIDANGAN COOP@IMT-GT 2024**

**29 MEI 2024**  
**8.30 PAGI**  
**HOTEL IXORA, PULAU PINANG**

ASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

[SALUTASI]

# HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI

1. ALHAMDULILLAH, SETINGGI – TINGGI RASAYA SYUKUR DIRAFAKKAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN SERTA LIMPAN KURNIANYA DAPAT KITA SEMUA BERKUMPUL PADA HARI INI DALAM SEMINAR & KONFERENS PENGENALAN KOPERASI KEPADA

KOMUNITI IMT-GT ATAU RINGKASNYA  
COOP@IMT-GT 2024.

2. DI KESEMPATAN INI, INGIN SAYA ALU-  
ALUKAN KEHADIRAN **YB TUAN FAHMI  
ZAINOL, EXCO AGROTEKNOLOGI &  
KETERJAMINAN MAKANAN, DAN  
PEMBANGUNAN KOPERASI KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG** KE SEMINAR INI.

SESUNGGUHNYA KEHADIRAN YB  
MENUNJUKKAN SOKONGAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
KEPADA USAHA PEMBANGUNAN  
GERAKAN KOPERASI YANG TELAH  
BANYAK MEMBERI MANFAAT KEPADA  
BUKAN SAHAJA RAKYAT DI SINI MALAH  
KE SELURUH PELUSUK NEGARA.

3. TIDAK LUPA JUGA UCAPAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA TUAN HAJI MOHD JAMIL OTHMAN, PENGERUSI ANGKASA PULAU PINANG DAN SELURUH ANGGOTA LEMBAGA SERTA WAGA KERJA ANGKASA PULAU PINANG YANG TELAH MEMBERI KERJASAMA PENUH DALAM MEREALISASIKAN SEMINAR INI. TAHNIAH

DAN SYABAS SAYA UCAPKAN BUAT SEMUA.

## **HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI**

4. ADALAH SUATU PENGHORMATAN BAGI SAYA PADA HARI INI UNTUK MEMBERIKAN UCAPAN ALUAN SEMPENA PENGANJURAN SEMINAR

YANG BAKAL MENCORAKKAN  
PERJALANAN PENTING GERAKAN  
KOPERASI DALAM MENEROKA POTENSI  
TRANSFORMATIF SERANTAU DI DALAM  
SEGI TIGA PERTUMBUHAN INDONESIA-  
MALAYSIA-THAILAND (IMT-GT).

5. KOPERASI BERTINDAK SECARA KOLEKTIF  
BAGI MENCAPAI MATLAMAT BERSAMA



MELALUI KEUSAHAWANAN, DENGAN MELETAKKAN AHLI DAN KEBAJIKAN MEREKA DI HADAPAN BAGI MENCAPAI KEMAJUAN EKONOMI.

6. PADA HARI INI, KITA SEMUA AKAN MENYELAMI TEMA "MEMBUKA POTENSI KOPERASI: KUNCI KEJAYAAN EKONOMI SERANTAU." OLEH ITU MARILAH KITA

MELIHAT KEPADA PELUANG – PELUANG  
BOLEH DIMANFAATKAN DAN  
DITAWARKAN DITAWARKAN OLEH  
KOPERASI UNTUK RANTAU KITA.

7. STATISTIK DARI INTERNATIONAL  
COOPERATIVE ALLIANCE (ICA)  
MENUNJUKKAN BAHAWA KOPERASI  
MEMBERIKAN PEKERJAAN KEPADA

LEBIH DARIPADA 280 JUTA ORANG DI SELURUH DUNIA DAN MENJANA LEBIH DARIPADA \$2.1 TRILION DALAM PENDAPATAN TAHUNAN. ANGKA INI MEMPERLIHATKAN SUMBANGAN EKONOMI YANG SIGNIFIKAN YANG DIBERIKAN OLEH KOPERASI DI PERINGKAT GLOBAL.

8. DALAM KONTEKS RANTAU IMT-GT, KOPERASI MEMPUNYAI PERANAN PENTING SEBAGAI PEMANGKIN UNTUK PERTUMBUHAN INKLUSIF DAN PENOKTAHAN KEMISKINAN. MALAYSIA MEMILIKI LEBIH DARIPADA 15,315 KOPERASI, INDONESIA LEBIH DARIPADA 136,000 KOPERASI, DAN THAILAND LEBIH DARIPADA 6,600 KOPERASI.

DENGAN JUMLAH YANG BESAR, KITA SEPATUTNYA DAPAT MEMANFAATKAN PELUANG YANG ADA APATAH LAGI KETIGA – TIGA NEGARA INI MEMPUNYAI KEBERGANTUNGAN ANTARA SATU SAMA LAIN KHUSUSNYA DARI SEGI EKONOMI.

**HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI**

9. PADA BULAN DISEMBER 2023, PULAU PINANG MENYUMBANG 31.5% DARIPADA JUMLAH EKSPORT MALAYSIA, MENJADIKANNYA PENGEKSPORT TERBESAR NEGARA. INI ADALAH PENCAPAIAN YANG LUAR BIASA UNTUK NEGERI KEDUA TERKECIL DI MALAYSIA. SUDAH TENTU KOPERASI JUGA MENJADI ANTARA PENYUMBANG

KEPADA ANGKA INI DI MANA KITA DAPAT BERSAMA DENGAN KERAJAAN NEGERI DALAM KOMITMEN UNTUK MEMACU SECARA LANGSUNG PERTUMBUHAN EKONOMI.

10. PERANAN KOPERASI DALAM MEWUJUDKAN PERDAGANGAN TANPA SEMPADAN DAN PERSEKITARAN

PERNIAGAAN TIDAK BOLEH DIABAIKAN.  
INISIATIF IMT-GT MENYEDIAKAN  
PLATFORM UNIK UNTUK KOPERASI  
BERKEMBANG DALAM RANTAU INI.  
DENGAN BEKERJASAMA, KITA BOLEH  
MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG  
MENYOKONG INOVASI,  
KEUSAHAWANAN, DAN AMALAN  
LESTARI.



11. SEKTOR-SEKTOR YANG KITA KENAL PASTI—EKONOMI DIGITAL, EKONOMI HIJAU, EKONOMI KITARAN, MODEL BIO-KITARAN-HIJAU (BCG), DAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN VAKSIN—MENAWARKAN PELUANG BESAR UNTUK PERTUMBUHAN DAN KERJASAMA MELALUI GERAKAN KOPERASI.

12. SALAH SATU TUNGGAK UTAMA KEJAYAAN KOPERASI TERLETAK PADA KERANGKA DASAR YANG EFEKTIF YANG MENYOKONG PERTUMBUHAN GRAKAN INI. DI RANTAU IMT-GT, KERAJAAN MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG MEMBOLEHKAN KOPERASI BERKEMBANG. DENGAN

MELAKSANAKAN DASAR YANG MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KOPERASI, SEPERTI INSENTIF CUKAI, AKSES KEPADA KEWANGAN, DAN BANTUAN TEKNIKAL, KITA BOLEH MEMBUKA POTENSI PENUH KOPERASI UNTUK TERUS MEMBERI SUMBANGAN SIGNIFIKAN KEPADA KELUARAN DALAM KASAR NEGARA (KDNK).

13. INOVASI DAN KEUSAHAWANAN PERLU BERGERAK SEIRING JIKA KOPERASI MAHU KEKAL RELEVAN DALAM PASARAN SEMASA. PENGGUNAAN PLATFORM DIGITAL DAPAT MEMUDAHKAN TRANSAKSI SERTA OPERASI SUPAYA LEBIH CEKAP DAN TERSUSUN. PELAN TINDAKAN DIGITAL KOPERASI (DigiKOP) 2030 YANG

MENDAPAT SENTUHAN ANGKASA  
DIBUAT BAGI MEMPERKASA  
PENGLIBATAN KOPERASI DALAM  
PERUSAHAAN DIGITAL DAN  
MENGADAPTASI INOVASI UNTUK KEKAL  
KOMPETITIF.

**HADIRIN HADIRAT YANG DIHORMATI**

14. LOKASI GEOGRAFI YANG STRATEGIK PULAU PINANG, DITAMBAH DENGAN INFRASTRUKTUR YANG KUKUH DAN EKONOMI YANG PELBAGAI, MENJADIKANNYA HAB YANG IDEAL UNTUK INISIATIF KOPERASI DIPERLUAS. SAYA PENUH YAKIN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SEDIA MEMBANTU DALAM HAL PERTUMBUHAN KOPERASI

DAN KOMUNITI IMT-GT UNTUK BERSAMA  
MENYUMBANG KEPADA KEUTUHAN  
SOSIOEKONOMI DI NEGERI INI.

15. SEBAGAI PENUTUP, MARILAH KITA  
MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK  
MEMPERKUKUH KOMITMEN  
MENINGKATKAN POTENSI GERAKAN  
KOPERASI UNTUK MEMACU KEJAYAAN

EKONOMI SERANTAU. MARILAH KITA BERSAMA MENCIPTA RUANG DAN PELUANG UNTUK MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH AGAR GERAKAN KOPERASI DAPAT BERGERAK LEBIH JAUH DALAM RANTAU IMT-GT DAN MEMBERI IMPAK YANG LEBIH BESAR KEPADA KEHIDUPAN RAKYAT.  
WABILLAHITAUFIQ WALHIDAYAH,



ASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

TERIMA KASIH, DAN SEMOGA KITA  
SEMUA BEROLEH MANFAAT DALAM  
SEMINAR DAN KONFERENS INI.